

PERBARISAN PEGAWAI WARAN PANGKALAN PU GONG KEDAK



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4623-perbarisan-pegawai-waran-pangkalan-pu-gong-kedak-2

GONG KEDAK, 5 Mac 19 - Pangkalan Udara Gong Kedak telah mengadakan Perbarisan Pegawai Waran Pangkalan yang dihadiri seramai 317 anggota lain-lain pangkat dan diketuai oleh PW U I Muhd Khairul Azmi bin Ali di Padang Kawad Pangkalan.

Semasa perbarisan tersebut Pegawai Waran Pangkalan, PW U I Mohd Hisham bin Sudin dalam ucapannya menekankan beberapa perkara tentang penyalah gunaan dadah iaitu direktif No 5 dan penyalah gunaan daun ketum, direktif 5A.

Selain itu, beliau juga mengingatkan tentang direktif No 9 iaitu berkenaan Program Induksi/Orientasi bagi anggota yang baru bertukar masuk ke unit serta tatacara pemakaian istiadat dengan betul dan kemas.

